

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN ZAIRIL KHIR JOHARI
[BUKIT BENDERA]**

SOALAN :

Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan senarai semua pertubuhan bukan Kerajaan (NGO) yang menerima pembiayaan daripada agensi-agensi di bawah JPM termasuk peruntukan peribadi Menteri-Menteri JPM, dengan pecahan pembiayaan bagi setiap satu, tujuan dan hasilnya bagi tahun 2011 hingga 2014.

JAWAPAN : YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan agensi/jabatan di bawah JPM tidak menyediakan peruntukan secara khusus kepada pertubuhan bukan kerajaan (NGO) termasuk peruntukkan peribadi kepada Menteri-Menteri di JPM.

Sekian. Terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN ZAIRIL KHIR JOHARI
[BUKIT BENDERA]**

SOALAN :

YB Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera] minta PERDANA MENTERI menyatakan senarai semua pertubuhan bukan Kerajaan (NGO) yang menerima pembiayaan daripada Majlis Keselamatan Negara, dengan pecahan pembiayaan bagi setiap satu, tujuan serta hasilnya bagi tahun 2011 hingga 2014.

JAWAPAN : YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Majlis Keselamatan Negara, Jabatan Perdana Menteri (MKN, JPM) tidak pernah membiayai mana-mana program anjuran pertubuhan bukan Kerajaan (NGO).

Sekiranya terdapat penglibatan NGO dalam program pengurusan bencana yang dianjurkan oleh MKN, JPM seperti Program Pengurusan Bencana Peringkat Komuniti (*Community Based Disaster Management* – CBDM) atau latihamal, mereka hanya akan dijemput sebagai peserta program seperti mana penyertaan agensi-agensi Kerajaan yang lain.

Sekian. Terima kasih.